



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA KEMALANGAN JALAN RAYA DI JALAN NEGERI J165, GUNUNG PULAI, KULAI, JOHOR

KUALA LUMPUR – Saya merakamkan ucapan takziah dan simpati yang mendalam kepada keluarga mangsa, seorang warga Singapura, yang terlibat dalam insiden kemalangan tragis semasa berbasikal di jalan negeri J165, Gunung Pulai, Kulai, Johor pada 14 Jun 2025.

2. Kehilangan nyawa dan ahli keluarga tercinta dalam apa jua keadaan amat memilukan, apatah lagi ketika menjalankan aktiviti riadah yang seharusnya membawa kegembiraan serta manfaat kesihatan.

3. Untuk makluman, jalan tersebut J165 adalah jalan negeri di bawah penyeliaan Kerajaan Negeri Johor di mana peruntukan tahunan penyelenggaraan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui MARRIS (Malaysian Road Records Information System).

4. Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat kerosakan pada permukaan jalan berbentuk retakan “crocodile cracks”, dipercayai berpunca daripada penggunaan kerap oleh kenderaan berat, khususnya lori-lori dari kawasan kuari berdekatan. Walaupun kerja-kerja menaik taraf bahu jalan melalui proses grading telah dilaksanakan pada awal tahun ini, kesan beban berlebihan menyebabkan kerosakan kembali berlaku dengan cepat.

5. Meskipun jalan ini berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kementerian Kerja Raya (KKR) turut merasa terkesan dan prihatin akan keadaan jalan raya yang mengancam keselamatan pengguna termasuk penunggang motosikal dan basikal.

6. Saya telah berhubung dengan pihak berkenaan di negeri supaya kerja pembaikan kualiti pavemen di kawasan terbabit dilaksanakan serta-merta menerusi kaedah R01, termasuk kerja grading semula bahu jalan sebagai langkah awal dan segera yang akan diikuti dengan pembaikan secara menyeluruh sebaik sahaja peruntukan diterima.

7. Saya turut menyeru semua pihak yang menguruskan penyenggaraan jalan termasuk kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan pejabat daerah serta pengendali kuari, pengguna jalan raya dan komuniti setempat untuk terus bekerjasama dalam memastikan jalan raya kita dalam kualiti yang selamat dan selesai bagi mengurangkan insiden kemalangan jalan raya terutama yang melibatkan nyawa.

8. Saya juga ingin menasihati semua penunggang basikal, khususnya mereka yang mengayuh di jalan raya awam, agar sentiasa mengutamakan keselamatan. Elakkan menggunakan jalan yang kerap dilalui oleh kenderaan berat dan besar. Pilihlah waktu yang sesuai dan selamat seperti awal pagi pada hujung minggu. Pastikan

penggunaan kelengkapan keselamatan seperti topi keledar serta lampu reflektif sentiasa dipatuhi. Patuhi peraturan jalan raya, elakkan penggunaan telefon bimbit ketika berkayuh dan pastikan kenderaan yang digunakan sentiasa dalam keadaan baik.

11. Keselamatan pengguna jalan raya adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan komitmen semua pihak sama ada pemandu kenderaan, pejalan kaki mahupun penunggang motosikal dan basikal,

#TAMAT#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
Menteri Kerja Raya Malaysia
15 Jun 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADAN Ibekerja